

# MB arah beri nombor telefon kepada rakyat

ALOR SETAR 21 Dis. — Wakil-wakil rakyat Kedah diminta **memberikan nombor-nombor telefon bimbit dan rumah mereka kepada 'bos' masing-masing**, iaitu rakyat, supaya boleh dihubungi **pada** setiap masa dan ketika.

Menteri Besar Kedah, Datuk Syed Razak Syed Zain berkata, rakyat boleh menghubungi wakil-wakil rakyat mereka **pada** bila-bila masa walaupun di luar kawasan.

Jika berlaku sesuatu **ke**-malangan misalnya, orang ramai perlu menghubungi **wakil rakyat masing-masing** dan wakil rakyat itu berhak berada di **tempat** kejadian, jelas beliau menggariskan **langkah-langkah** yang perlu **dilakukan** oleh wakil rakyat **bagi** mendampingi **pengundi**.

"Setiap wakil rakyat **terutama**nya Exco perlu **ada** satu talian yang **membolehkan** mereka **dihubungi**," katanya kepada **para** pemberita selepas

majlis berbuka puasa dengan wakil media di **kediaman** rasmi Menteri Besar di Mentalloon di **sini** malam tadi.

Langkah itu selaras dengan ingatan keras **Perdana** Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad Sabtu lalu, yang mahu wakil **rakyat** Barisan Nasional (**BN**) lebih bertanggungjawab terhadap **pengundi** di **kawasan** mereka.

Katanya, jika wakil **rakyat** **gagal** dihubungi **kerna** orang ramai tidak tahu untuk menghubunginya, mereka **mungkin** **menganggap** wakil rakyat **berkenaan** tidak prihatin dengan **pengundi** di kawasan mereka.

Menteri Besar **memberitahu**, sejak menjadi wakil rakyat **pada** tahun 1986, beliau telah memberikan nombor telefon bimbit, **rumah** dan pejabatnya **kepada** penduduk di **kawasannya**.